

15 SEP 2001

M'SIA SEMAKIN HAMPIR CAPAI STATUS NEGARA MAJU, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Ketika negara menyambut Hari Perpaduan atau Hari Malaysia esok, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata Malaysia semakin hampir mencapai sasarannya bagi status negara pendindustrian.

"Menjelang 2020, mengikut wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kita akan menjadi sebuah negara maju," katanya dalam perutusan Hari Malaysia, hari ini.

"Apa yang sebelum ini adalah sebuah negara kecil dan lemah yang diperintah oleh pelbagai kuasa asing, Malaysia kini merupakan sebuah negara merdeka dan sebuah negara yang dihormati, dan dicemburui banyak negara lain.

"Oleh itu, kita perlu memulihara kebebasan kita dengan sebaiknya," kata Menteri Kerja Raya itu.

Beliau menggesa generasi muda menilai pengorbanan pemimpin masa lalu yang telah "bersusah payah" mendapatkan kemerdekaan negara ini dan menyatukan Sarawak dan Sabah di bawah satu pemerintahan.

"Di bawah kecemerlangan kepimpinan Dr Mahathir, hari ini, rakyat Malaysia kekal bersatu dalam menghadapi pelbagai cabaran," katanya.

-- BERNAMA

ES ES RHM